

# Sultan Johor minta Dr M henti kritikan

Oleh Abdul Razak Raaff  
dan Mohd Roji Abdullah

**J**OHOR BAHRU: Sultan Johor, Sultan Iskandar al-Marhum Sultan Ismail secara terbuka meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya berkelakuan seperti pesara dan berhenti daripada membidas kerajaan.

Baginda dikatakan bertitah demikian di hadapan lebih 100 umat Islam selepas bersembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Sultan Abu Bakar di sini pada hari pertama Aidilfitri.

Majlis turut dihadiri Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani

Othman, Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Mengikuti beberapa hadirin di majlis itu, baginda menyatakan kesedihannya terhadap keadaan yang berlaku di negara ketika ini, memandangkan baginda mengenali kedua-dua pemimpin itu dan mengangap mereka sebagai sahabat.

Baginda turut sedih dan kecewa dengan Dr Mahathir yang secara berterusan mengkritik kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, baginda menggesa rakyat Johor supaya terus memberi sokongan padu kepada pentadbiran Perdana Menteri.

Baginda juga dikatakan meminta

rakyat Johor terus memberi sokongan kepada kepemimpinan Perdana Menteri.

Ketika sambutan ulang tahun ke-60 Umno di Istana Johor, Mei lalu, Sultan Johor turut meminta Abdullah dan Dr Mahathir untuk bersama-sama bergambar dengan baginda dan pemimpin lain Umno dalam apa yang dilihat sebagai usaha baginda untuk menyatukan mereka.

Dr Mahathir sehari selepas mengadakan pertemuan empat mata dengan Abdullah, Ahad lalu, kembali mengkritik kepemimpinan Perdana Menteri yang antara lain mendakwa banyak dasar dilakukan Abdullah sejak mengambil alih kepemimpinan negara menyebabkan ekonomi nega-

ra terjejas teruk.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menyifatkan sokongan Sultan Johor terhadap Perdana Menteri adalah gambaran semua golongan tidak mahu isu itu berpanjangan.

Muhyiddin berkata, sebagai pemimpin Umno dan rakyat Johor, beliau lega dan gembira dengan sokongan Sultan Johor itu sambil menyifatkan ia suara seluruh rakyat negeri itu.

"Ya...saya gembira kerana baginda juga mahu ketegangan yang ditimbulkan oleh Tun (Dr Mahathir) tidak berpanjangan," katanya pada Majlis Rumah Terbuka di kediamannya di Muar, semalam.